

Wabak HFMD merebak di Singapura

BH 3/5/08 M/S 6

Oleh Sazarina Shahrin

BENTONG: Semua hospital dan klinik kesihatan seluruh negara diletakkan dalam keadaan berjaga-jaga berikutan merebaknya penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) di Singapura.

Menteri Kesihatan, Datuk Liow Tiong Lai, berkata pihaknya bekerjasama dengan Kastam Diraja Malaysia (KDRM) dan Jabatan Imigresen untuk meningkatkan pemantauan di pintu masuk terutama di Tambak Johor bagi mengelakkan penyakit yang boleh berjangkit dengan sentuhan itu merebak ke Malaysia.

Bagaimanapun, beliau menegaskan, penyakit itu masih terkawal termasuk di Johor dan tiada peningkatan luar biasa dicatatkan iaitu 1,943 kes dalam tempoh empat bulan pertama dengan purata 114 kes seminggu.

"Kementerian memberi perhatian dan berwaspada terhadap kes HFMD di negara jiran. Pemantauan juga dibuat melalui maklumat yang diterima serta yang diperolehi daripada pihak berkuasa Singapura," katanya kepada pemberita selepas melawat Hospital Bentong di sini, semalam.

Sehubungan itu, beliau menyeru

ibu bapa dan pusat penjagaan kanak-kanak supaya menjaga kebersihan anak mereka supaya penyakit yang mudah dijangkiti kanak-kanak berusia bawah lima tahun itu dapat dielakkan.

HFMD adalah penyakit berjangkit yang mudah berjangkit melalui sentuhan terus. Ia boleh menjangkiti semua golongan umur tetapi majoritinya adalah kanak-kanak di bawah umur lima tahun.

Penyakit itu kini berada pada tahap serius di Singapura apabila lebih 11 sekolah dan pusat penjagaan diarah tutup selama 10 hari manakala 34 lagi diminta berbuat demikian secara sukarela.

Sebanyak 9,026 kes dicatatkan di republik itu dengan 1,466 kes dicatatkan minggu lalu, peningkatan 18 peratus berbanding minggu sebelumnya.

Liow berkata, daripada 90 sampel yang diuji untuk mengenal pasti virus penyebab, hanya lima sampel yang positif untuk Enterovirus 71 (EV71).

Beliau berkata, orang ramai juga boleh mendapatkan maklumat terkini berhubung pelbagai penyakit berjangkit di negara ini di dalam laman web Kementerian Kesihatan, www.moh.gov.my.

Mengenai rancangan kerajaan untuk melepaskan berjuta-juta nyamuk aedes yang diubah suai genetik (GM) di perkampungan nelayan di Pulau Ketam seperti yang dilaporkan sebuah akhbar baru-baru ini, Liow menegaskan ia tidak akan dilaksanakan.

Beliau berkata, Institut Perubatan Malaysia (IMR) hanya menjalankan ujian makmal terhadap teknologi 'Release of Insects Carrying A Dominant Lethal' (RIDL) yang berasal daripada penyelidikan di Universiti Oxford dan dibangunkan syarikat bioteknologi, Oxitec Limited.

"IMR sudah menjalankan penilaian bebas berhubung teknologi itu dengan mendapatkan permit dan kelulusan jawatankuasa tertentu termasuk Jawatankuasa Penasihat Ubah Suai Genetik Kebangsaan (GMAC).

"Justeru, tiada apa yang perlu dibimbangkan kerana kita belum dan tidak pernah lagi melakukan ujian sebenar dengan melepaskan nyamuk GM. Banyak prosedur dan undang-undang yang perlu dipatuhi," katanya.

Bagaimanapun, beliau tidak menolak akan melakukannya pada masa depan bergantung kepada hasil dan keputusan kerajaan.

INFO

HFMD

Langkah kawalan

- Sentiasa mengamalkan kebersihan diri dan persekitaran yang baik.
- Kanak-kanak yang ada tanda jangkitan HFMD hendaklah dibawa segera berjumpa doktor.
- Kanak-kanak yang dijangkiti HFMD dielakkan daripada dibawa ke tempat awam atau pusat penjagaan kanak-kanak.
- Pengusaha pusat jagaan kanak-kanak diminta memastikan kanak-kanak jagaan mereka segera di bawa mendapatkan rawatan jika mempunyai tanda.
- Kanak-kanak yang sedang dijangkiti HFMD hendaklah dielakkan daripada menghadiri pusat jagaan.

Antara tanda jangkitan:

- Demam
- Sakit tekak
- Ruam merah
- Cirit-birit
- Kurang selera makan